

Syeikh Afeef Uddin mengupas cara dakwah melalui teladan

Oleh **Suhaimi Mohsen**

AL-KISAH, seorang wanita tua tidak larat mengangkat kayu menyeberangi parit untuk dijual. Seorang lelaki yang kebetulan lewat di situ, dengan penuh santun, segera membantu.

Setelah selesai, wanita berkenaan ingin memberi upah tetapi lelaki itu menolaknya.

Melihat pekerti lelaki itu, wanita tersebut menasihatkannya supaya berhati-hati terhadap seorang lelaki 'pembong' bernama "Muhammad" yang mengaku sebagai Nabi.

Sebelum berpisah, wanita itu bertanya nama lelaki yang membantunya agar beliau mudah mengenali dan memanggilnya jika bertemu di lain kesempatan.

Lelaki itu menjawab: "Akulah Muhammad, Pesuruh Allah."

Wanita yang sejak dari tadi kagum dengan akhlak dan

budi pekerti Nabi Muhammad saw, menyedari betapa beliau tersilap dan terus mengucap kalimah syahadah.

Pengajaran daripada cerita itu ialah Nabi saw menyampaikan Islam dengan memaparkan akhlak karimah (akhlak mulia).

"Inilah antara cara hubungan manusia dengan manusia yang dipaparkan oleh Nabi saw – sedia menghulur bantuan dan memaparkan akhlak dan budi pekerti mulia," kata Syeikh Afeef Uddin, seorang ulama dari Iraq.

Beliau, cicit dari generasi ke-18 ulama besar yang bergelar Sultanul Auliya (Wali agung), Syeikh Abdul Qadir Jailani, berkata demikian dalam ceramah ringkas ketika berkunjung ke Masjid Khadijah pada 17 Mei lalu.

Dalam ceramah itu, beliau berkata bahawa Nabi saw mulakan dakwah dengan hanya seorang, menempuh



Gunakanlah yang lima sebelum datang yang lima: Mudamu sebelum tuamu, sihatmu sebelum sakitmu, kayamu sebelum fakirmu, masa lapangmu sebelum sibukmu dan hidupmu sebelum matimu.

– Maksud Hadis.